



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - website: www.sarawak.uitm.edu.my

Isu 56

15hb Mei 2007



Tahniah! kepada En Abdul Jalil Lob atas perlantikan beliau sebagai Timb Pengarah HEP dan ribuan terima kasih kepada Prof Madya Dr Haji Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit atas segala sumbangan beliau.

Kejohanan Bola Baling Piala Pusingan Abang Johari 2007

UiTM Sarawak telah menghantar 2 pasukan iaitu kategori lelaki dan wanita menyertai Kejohanan Bola Baling Piala Pusingan Abang Johari 2007 dari 12 hingga 16 Mac 07 bertempat di Stadium Tertutup Perpaduan, Petra Jaya, Kuching. Kejohanan tersebut adalah anjuran Persatuan Bola Baling Sarawak atau nama singkatannya SAHA. Ini merupakan penyertaan kedua pasukan UiTM Sarawak setelah tahun lepas pasukan kita iaitu kategori wanita menjadi Johan.

Kejohanan ini merupakan aktiviti tahunan SAHA dalam usaha membangunkan permainan Bola Baling di samping pemilihan pemain untuk mewakili Negeri Sarawak di Kejohanan SUKMA 2008 di Terengganu nanti. Bagi pihak UiTM pula, melalui penyertaan kejohanan ini dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam kejohanan untuk menyertai pasukan UiTM Sarawak ke KARISMA 2007.

Dengan semangat kesukanan yang tinggi untuk menaikkan nama UiTM Sarawak, penyertaan pasukan UiTM Sarawak pada kali ini amatlah membanggakan. Pasukan Wanita UiTM Sarawak masih lagi mengekalkan kejuaraan manakala pasukan lelaki mendapat tempat keempat.

Menurut SAHA, beberapa orang pelajar kita telah disenaraikan untuk mewakili Sarawak dalam Kejohanan Bola Baling SUKMA 2008 di Terengganu dan nama akan dimaklumkan nanti.

Diharap melalui penyertaan seperti ini, kita akan dapat menaikkan nama UiTM Sarawak dan juga menaikkan semangat pelajar menjadi cemerlang bukan sahaja dalam sukan tetapi juga dalam bidang akademik. Dengan erti kata lain Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Kategori Wanita

Johan:	UiTM Sarawak
Naib Johan:	Stampin
Ketiga:	Kota Samarahan
Keempat:	Ex-Star

Kategori Lelaki

Johan:	FRENZ
Naib Johan:	HORNEST
Ketiga:	Matang Jaya
Keempat:	UiTM Sarawak

SFROST Exploration Camp 2007

Aizimah Abu Samah

Pelajar DIS Bahagian 5 daripada Science SFROST UiTM Sarawak telah menganjurkan SFROST Exploration Camp 2007 selama dua hari satu malam pada 24 Februari hingga 25 Februari 2007 bertempat di Holiday Chalet Sematan. Jumlah peserta yang turut serta adalah seramai 92 orang. Penasihat projek ialah Pn. Nyotia Nyokat.

Antara objektif untuk program ini ialah memupuk semangat dan amalan bekerjasama dalam kumpulan. Selain itu, ia bertujuan untuk membina disiplin dan siasah rupa diri serta sikap bertolak ansur dalam memberi dan menerima pendapat. Ia juga adalah untuk membina pengalaman dan mempelajari bagaimana untuk menganjurkan sesuatu aktiviti dan menepati prosedur yang telah ditetapkan. Program ini juga adalah berobjektif untuk menjadi ruang terbaik untuk saling mengenali dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama peserta dan juga pensyarah malah ia adalah untuk menyediakan aktiviti riadah yang lebih berfaedah sambil merehatkan fikiran dan fizikal daripada belenggu pembelajaran mahupun pengajaran.

Pada hari pertama, program dimulakan dengan peserta berkumpul di tempat letak kereta B dan seterusnya bertolak pada pukul 8 pagi. Setibanya di chalet, Pendaftaran, Pembahagian Kumpulan, Bacaan Doa dan Taklimat dijalankan pada pukul 10 pagi. Kemudiannya, Aktiviti 1 meliputi Aplikasi Sains (Biologi - Ekologi) dilaksanakan untuk mencari, mencatat serta mengkaji flora dan fauna yang ditemui. Sebaik sahaja pelajar-pelajar selesai melakukan Aktiviti 1, IQ test 1 pula menyusul. Seterusnya, 'Rewang', seunik namanya ialah satu Pertandingan Masak Beramai-ramai. Pelajar-pelajar kelihatan seronok dan bergurau-senda dalam aktiviti santai seperti ini.

Aktiviti 2 pula diadakan dalam bentuk mencari harta karun yakni 'treasure hunt' tetapi ia lebih menyentuh kepada pengetahuan Kimia dalam setiap pelajar. Setiap kumpulan dikehendaki mencari 8 'checkpoints'. Aktiviti tersebut lebih berbentuk ala-ala 'Amazing Race' bak kata Pn. Nyotia namun tugas lebih tertumpu kepada ilmu Sains. Selepas itu, IQ Test 2 telah dilakukan untuk menguji minda pelajar. Dalam Aktiviti 3, pelajar-pelajar mengaplikasikan Sains (Fizik - Teknologi). Mereka telah merekapipta pelbagai ciptaan Sains dengan menggunakan bahan buangan atau semulajadi. Seterusnya, mereka telah mempersembahkan dan menerangkan teknologi yang diaplikasi dalam ciptaan masing-masing. Secara tidak langsung, aktiviti ini juga menyelitikan hukum-hukum Sains. Latihan Dalam Kumpulan 1 atau 'LDK1' turut dijalankan.

Pada sebelah petang, pelajar-pelajar telah melakukan Aktiviti 4 iaitu Kuiz Sains dan Matematik serta Pengetahuan Am manakala Aktiviti 5 pula ialah aktiviti sukan yakni Tarik Tali dan Senaman Aerobik. Latihan Dalam Kumpulan sekali lagi diadakan selepas Maghrib dan disusuli dengan Malam Aspirasi Sains yang mana pelajar-pelajar membuat persembahan untuk setiap kumpulan.

Pada hari keduanya, Aktiviti 6 ialah aktiviti sukan iaitu Senaman Aerobik. Selepas bersarapan, setiap kumpulan kemudiannya dikehendaki mengaplikasikan unsur-unsur Sains, Tokoh Sains atau Matematik dalam pantun atau sajak (bertemakan Sains) mereka dalam Aktiviti 7. Sejurus itu, pelajar-pelajar melibatkan diri dalam sukaneka dan aktiviti Bola Tampar untuk Aktiviti 8. Eco-challenge juga dijalankan pada hari kedua ini.

Dalam Majlis Penutupan Kem Sains, penasihat dan ketua projek telah memberikan ucapan masing-masing dan majlis penyampaian hadiah dan cenderahati turut diadakan untuk pensyarah terlibat dan pelajar-pelajar Part 6. Bacaan doa dan sesi fotografi menyusul sebaik sahaja majlis tamat. Pelajar-pelajar bertolak pulang ke UiTM selepas Asar.



Memetik dari Amanat Tahun Baru 2007: *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* (Ibrahim Abu Shah, 2007: 1-2), kita boleh mengetahui bahawa amanat Naib Canselor kita, Yang Bahagia Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah ini telah "... disampaikan dalam konteks imbasan pencapaian tahun lepas, cabaran semasa, dan fokus tahun baru." menerusi "... tema-tema terpilih". Tema Amanat pada kali

ini, *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* adalah bersesuaian dengan keperluan dan kehendak dalam kampus kita di Samarahan ini. Beliau juga ada menyebut bahawa satu faktor yang penting ialah kekuatan

Amanat Naib Canselor

minda kepimpinan sama ada di universiti mahupun negara. Tambah beliau lagi, untuk memastikan kecemerlangan universiti ini diperkasakan, "...kepimpinan peringkat dalaman tanpa mengira aras perlu bersifat strategik bukan sahaja dari aspek pemikirannya malah juga dari aspek amalan dan tingkahlakunya. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa keperluan untuk "...peka dengan keadaan persekitaran, cabaran dan peluang yang wujud".

Untuk tahun 2007 ini, beliau juga mengatakan bahawa "...kecemerlangan akan mengambilkira aspek kualiti hasil, baik graduat, penyelidikan, inovasi mahupun penerbitan, perundingan ataupun hasil aktiviti pelajar untuk penyediaan ke arah aspek penarafan dalam tempoh terdekat" (Ibrahim Abu Shah, 2007:2). Antara perkara-perkara utama yang menjadi intipati dalam Amanat Naib Canselor ialah:

1. Lima Puluh Tahun Pertama UiTM dan Pencapaiannya
2. Definisi Kepimpinan Strategik dan Kecemerlangan Akademik
3. Manifestasi Pencapaian UiTM dalam Tahun 2006

4. Pembangunan Program
5. Program yang mendapat Pengiktirafan Profesional (sehingga 2006)
6. Penyelidikan / Inovasi dan Penerbitan
7. Pemantapan Kualiti Pengurusan Universiti
8. Lulusan Mengikut Peringkat (2006)
9. Kebolehkkerjaan Graduat
10. Kepuasan Hati Graduat terhadap Sistem UiTM Keseluruhan
11. Sasaran Enrolmen 200, 000 dan Pengambilan Pelajar Baru (2006)
12. Perhubungan Industri / Antarabangsa
13. Pencapaian Aktiviti Pelajar
14. Modal Insan Universiti
15. Governans Universiti
16. Saiz fizikal dan Enrolmen
17. Cabaran-Cabaran yang perlu ditangani:

Isu-isu Tertanggung yang perlu diselesaikan segera;

- i. Penterjemahan Shared Vision yang menyeluruh
- ii. Semakan Kurikulum
- iii. Pelaksanaan Konsep Gugusan
- iv. Pelaksanaan Program Double Major, Major Minor
- v. Pelaksanaan Bahasa Inggeris
- vi. Pelaksanaan Program Keusahawanan (Entrepreneurship)
- vii. Pelaksanaan Polisi Universiti seperti Polisi Akademik, ATA dan Dasar Pengurusan
- viii. Penyelidikan & Inovasi
- ix. Dasar penubuhan Pusat Kecemerlangan
- x. Profesor Kontrak
- xi. Pemantapan Sistem Pengurusan
- xii. Jaminan Kualiti Akademik menerusi MQF
- xiii. Pelaksanaan Latihan Praktikal
- xiv. Pelaksanaan E-Learning
- xv. Pelaksanaan Latihan Kepimpinan
- xvi. Perolehan dan Penggunaan Kemudahan ICT
- xvii. Penyampaian Perkhidmatan
- xviii. Sumber Manusia
- xix. Penghayatan dan Pelaksanaan Dasar Q-Q 5E dan Hadhari Scorecard

Isu-isu yang berpotensi menjadi halangan;

- i. Penarafan dalam Konteks Kedudukan Global
- ii. Pembangunan Bidang
- iii. Mengenalpasti konflik antara isu sebagai asas inovasi kepimpinan untuk kecemerlangan
- iv. Mekanisme Penyelesaian

Dalam amanat tersebut, Yang Bahagia Dato' Seri Dr Ibrahim Abu Shah juga berpesan kepada "...semua lapisan warga UiTM sama ada staf akademik dari professor hingga kepada pensyarah muda, staf pentadbiran dari golongan pengurusan/professional hingga kepada pembantu am serta tukang dan pelajar dari sarjana PhD hingga diploma haruslah menanam dalam diri kita semangat jati diri untuk terus membawa UiTM ke tahap yang lebih tinggi dengan kerjasama padu" (2007:39). Beliau juga turut menasihatkan kita agar lebih mengutamakan "...kesejahteraan dan kesederhanaan bersama dengan meninggalkan amalan-amalan buruk kepimpinan seperti merancang untuk gagal, menabur fitnah untuk kepentingan sendiri, mengenyepikan yang hak, dan mengaburi pihak yang lebih atas dengan maklumat-maklumat palsu" (2007: 39).